




Unit Dewan Negeri Pahang,
Tkt 1, Blok A, Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan.
T: 09-512 6625 / F: 09-516 1443
E: dun@pahang.gov.my
W: <http://www.pahang.gov.my>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
(MAJLIS ANGKAT SUMPAH)
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14**



**PENYATA
RASMI**

TARIKH : 2 JULAI 2018

A decorative border with a floral and vine motif surrounds the central text. The border consists of stylized leaves, small flowers, and swirling lines, creating a frame for the text.

**MESYUARAT PERTAMA
(MAJLIS ANGKAT SUMPAH)
PENGKAL PERTAMA
DEWAN NEGERI PAHANG
YANG KE-14**

23 JULAI 2018



KANDUNGAN

02 JULAI 2018 (ISNIN)

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PEMASYHURAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	1
4	PEMILIHAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGERI	2
	YANG DI-PERTUA DEWAN NEGERI MENGANGKAT SUMPAAH	3
	PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGERI	4
5	TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGERI MENGANGKAT SUMPAAH	5
6	YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN NEGERI MENGANGKAT SUMPAAH	5
7	PENANGGUHAN	8





**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN NEGERI PAHANG YANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.**

Hari Pertama : 02 Julai 2018 (Isnin)

Masa : 9.00 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak Bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail,
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.

- **Jelai**

Pengerusi Jawatankuasa:

**Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah dan Sumber Asli.
Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian dan Ekonomi.**

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

- **Lanchang**

**Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Perladangan
dan Bioteknologi**

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.

- **Benta**

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin,
SSAP., DIMP., AMP., BCM.

- **Kuala Sentul**

**Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat,
Pembangunan Wanita dan Keluarga**

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad,
SSAP., DIMP., AMP., AMN.

- **Kerdau**

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Sri Norol Azali bin Sulaiman,
SSAP., DIMP.

- **Guai**

**Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam
dan Inovasi**



- Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain,
SSAP., DIMP., PPA.
**Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan
Bukan Kerajaan** - **Tioman**
- Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram,
DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli - **Batu Talam**
- Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin Bin Mohd. Ariff,
DIMP., AMP., AMN., PKT.
**Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Teknologi Hijau, Komunikasi
dan Multimedia** - **Bebar**
- Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah,
DSAP., DIMP.
**Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan
dan Hal Ehwal Pengguna** - **Pulau Tawar**
- Yang Berhormat Encik Abd Rahim bin Muda,
AMP., PKC.
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan - **Lepar**
- Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob,
SDSA., SSAP., DSAP., DGSM. - **Pelangai**
- Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT. - **Dong**
- Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif,
SSAP., DSAP., DIMP., AMP. - **Inderapura**
- Yang Berhormat Dato' Abu Bakar bin Haji Harun,
DIMP., SMP. - **Chini**
- Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar,
SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK.
(Timbalan Yang di-Pertua Dewan) - **Jenderak**
- Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman,
DIMP., SMP. - **Kemayan**
- Yang Berhormat Dato' Md. Sohaimi bin Mohamed Shah,
DIMP., AMP. - **Sungai
Lembing**
- Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud,
DIMP. - **Pulau Manis**
- Yang Berhormat Dato' Mustapa Bin Long,
DIMP. - **Padang
Tengku**



Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi Bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	- Peramu Jaya
Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.	- Kuala Semantan
Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad	- Bukit Ibam
Yang Berhormat Encik. Ir. Razali bin Kassim	- Muadzam Shah
Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong	- Cheka
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura Bin Rabu	- Beserah
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli Bin Jabar	- Tanjung Lumpur
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	- Tras
Yang Berhormat Puan Kamachi a/p A. Doray Rajoo	- Sabai
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	- Bilut
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	- Triang
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	- Teruntum
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	- Luit
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	- Panching
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	- Tahan
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	- Chenor
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	- Jengka
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	- Damak
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	- Tanah Rata
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	- Mentakab
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	- Ketari



**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II
PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:**

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Muhammad Safian Bin Ismail,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Mohamad Roslan Bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri Bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung

- **Semambu**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya Bin Syed Abdul Rahman, AAP.





SETIAUSAHA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Negeri Pahang Ke-14, di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Isnin : 2 Julai 2018
Bersamaan : 18 Syawal 1439 Hijrah
Masa : 9.00 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

(Bahasa Arab) Segala puji bagi Allah, dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah Yang Maha Mengasihani kepadaNya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir masalah masyarakat, pergaulan mudah-mudahan sentosa aman makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk Negeri Pahang ini.

Ya Allah kami sekalian hambaMu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatNya sekalian. Ya Allah berkatMu ke atas kami berhimpun dipohon anugerahkan taufikMu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. (Bahasa Arab) Ya Allah dipohon doa kami diperkenankan. Amin Ya Rabbal Alamin.

PEMASYHURAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG

Perkara Kedua: Pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Memanggil Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN

“Bahawasanya Dewan Negeri Pahang Yang Ketiga Belas telah dibubarkan pada 7 April 2018. Dan bahawasanya Fasal (4) Perkara 26 Bahagian II Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang memperuntukkan bahawa Dewan Negeri baharu itu hendaklah dipanggil bersidang pada tarikh yang tidak lewat daripada sembilan puluh (90) hari dari tarikh pembubaran itu.

Maka oleh yang demikian, Beta, Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al-Haj Ibn Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustai'n Billah, DK., SSAP., DK.(Terengganu)., DK.(Johor)., SPMJ., PAT., pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Beta di bawah Perkara 26 Bahagian II Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang dengan ini memanggil Dewan Negeri Bersidang dan menetapkan 2 Julai 2018 pada pukul 9.00 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Negeri Pahang Yang Keempat Belas, yang akan diadakan di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.



Diperbuat di Pekan, pada 5 Jun 2018, dengan Titah Perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.”

PEMILIHAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGERI

Perkara Ketiga: Pemilihan Yang di-Pertua Dewan Negeri.

SETIAUSAHA DEWAN

Majlis Mesyuarat Dewan Negeri Pahang akan menjalankan urusan pemilihan Yang di-Pertua Dewan Negeri menurut Perkara 27 Fasal (1) dan (1A) Bahagian II Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang, dan menurut Peraturan Mesyuarat 1, Majlis Mesyuarat Dewan Negeri Pahang.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi salam sejahtera. Tuan Setiausaha Majlis. Saya dengan ini membawa usul yang berbunyi iaitu:

“Yang Hormat Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC., dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Negeri dan Ahli Dewan Negeri (Tambahan). Beliau juga telah bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih. Sebelum itu saya mohon izin daripada Tuan Setiausaha Majlis untuk saya bercakap mengenai bakal speaker kita kerana ada di antara Ahli-ahli Dewan yang masih belum mengenali beliau secara dekat. Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Dewan, Yang Berhormat Dato' Ishak sebenarnya pernah mengendalikan sesi-sesi persidangan dalam tempoh Dewan Undangan Negeri Ke-13 yang lalu.

Oleh kerana prestasi beliau yang sangat baik, beliau lagi sekali dicadangkan kepada Dewan Yang Mulia ini untuk dipilih dan dilantik menjadi Yang di-Pertua. Secara latar belakangnya Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ishak berusia 65 tahun, yang juga anak kelahiran Pekan, merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian dalam Pengajian Melayu dari Universiti Malaya tahun 1979. Pada tahun 1982 pula, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ishak telah memperolehi Diploma Pengurusan Awam dari Institut Pentadbiran Awam Negara ataupun INTAN.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik selama tiga belas tahun termasuk selaku Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Besar ketika itu, Tuan Yang Terutama Tun Khalil Yaakob. Yang Berhormat Dato' Sri juga meletakkan jawatan untuk menyertai politik sepenuh masa lalu bertanding seterusnya kekal sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Bebar selama empat penggal. Dalam tempoh empat penggal itulah beliau dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, selepas beliau bersara dari politik, beliau dilantik menjadi Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kali pertama pada Julai 2013. Beliau pernah menjawat jawatan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pekan selama kira-kira tiga belas tahun antara tahun 2000 hingga ke 2013 dan Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ishak juga aktif dalam kerja-kerja sukarela. Beliau pernah menjadi Presiden Majlis Belia Negeri selama sepuluh tahun antara tahun 1990 dan 2000 dan kini



merupakan Pengerusi Persatuan Anak Yatim Negeri Pahang. Beliau telah pun berkahwin, seorang isteri iaitu dengan Datin Sri Dato' Khatijah binti Ibrahim dan mereka telah dikurniakan lima orang cahaya mata.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya mohon mencadang supaya Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ishak bin Muhamad dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri bagi penggal ke-14. Saya berharap usul ini mendapat sokongan dari Dewan Yang Mulia ini, terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Tuan Yang di-Pertua majlis, saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang sebentar tadi.

SETIAUSAHA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul telah diterima dan disokong, maka dengan ini saya memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC., telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang dan Ahli Dewan Negeri (Tambahan).

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGERI MENGANGKAT SUMPAH

Perkara Keempat: Yang di-Pertua Dewan Negeri Mengangkat Sumpah.

Saya mohon izin untuk mempersilakan Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan masuk ke dalam Dewan ini bagi mengangkat sumpah dan seterusnya mengambil tempat duduk.

(YAB. Menteri Besar Pahang menyarungkan jubah Yang di-Pertua kepada YB. Yang di-Pertua Dewan yang baru dilantik)

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirahim. Bahawa saya, Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad yang telah dipilih menjadi seorang Ahli Dewan Negeri (Tambahan) dan seterusnya dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan dengan sesungguhnya mengangkat sumpah atau berikrar bahawa saya dengan setianya akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai Yang di-Pertua Dewan dengan seberapa daya upaya saya dan saya akan benar-benar taat setia kepada negeri Pahang dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang.

SETIAUSAHA DEWAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri mengambil tempat dan seterusnya berucap kepada Majlis.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Alhamdulillah, saya memanjangkan rasa syukur kepada Allah SWT, dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membawa Usul tadi dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong. Saya akan menjalankan amanah ini dengan sebaik-baiknya



dan menjaga Dewan yang Mulia ini dengan penuh tanggungjawab dan saksama. Saya akan berucap dalam masa penangguhan nanti. Terima kasih.

PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Perkara Kelima: Pemilihan Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Negeri Pahang.

SETIAUSAHA DEWAN

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membawa satu Usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi:

“Yang Berhormat Dato’ Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK., Ahli Dewan Negeri Kawasan Jenderak dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri.”

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap untuk memaklumkan di Dewan yang Mulia ini kerana mungkin ramai lagi di antara Ahli Dewan yang tidak mengenali beliau secara dekat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ini lah dimaklumkan juga bahawa Yang Berhormat Dato’ Sri Haji Mohamed bin Jaafar merupakan penggal kedua beliau dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri yang mulia ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, Yang Berhormat Dato’ Sri Haji Mohamed bin Jaafar pernah menjadi Pengerusi Kelab Penyokong-Penyokong Kerajaan selama satu penggal. Selain daripada itu, beliau juga pernah menjadi Pengerusi Kira-Kira Wang Negeri selama tiga penggal dan sepanjang beliau menjadi Pengerusi Kira-Kira Wang Negeri beliau telah berjaya menjalankan tugas dengan baik dan cemerlang. Beliau pernah menjadi Ketua UMNO Bahagian Mentakab dan Kuala Krau selama enam tahun iaitu antara tahun 2003 dan 2008. Selepas itu Yang Berhormat Dato’ Sri Haji Mohamed juga dilantik sebagai Ketua Penerangan UMNO Bahagian yang sama antara 2009 sehingga sekarang. Beliau telah pun beristeri, Datin Sri Hajah Muhani binti Jantan. Yang Berhormat Dato’ Sri Haji Mohamed juga telah dikurniakan lima orang anak.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya berharap Usul ini mendapat sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Dewan yang Mulia ini. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Menteri Besar Pahang sebentar tadi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun mendapat sokongan. Dengan ini saya memasyhurkan iaitu Yang Berhormat Dato’ Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK., Ahli Dewan Negeri Kawasan Jenderak dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang.



TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGERI MENGANGKAT SUMPAH

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keenam: Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Mengangkat Sumpah.

YB. TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirahim. Bahawa saya telah dipilih menjadi seorang Ahli Dewan Negeri dengan sesungguhnya mengangkat sumpah atau berikrar bahawa saya dengan setia akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai Ahli Dewan Negeri dengan seberapa daya upaya saya dan saya akan benar-benar taat setia kepada negeri Pahang dan akan memelihara, memperindungi dan mempertahankan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang.

YANG BERTHORMAT AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI MENGANGKAT SUMPAH

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketujuh: Ahli-ahli Dewan Negeri Mengangkat Sumpah.

Majlis mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP., Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Jelai.

1. YAB. Dato' Sri Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail, SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Jelai
2. YB. Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsuddin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Lanchang
3. YB. Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi bin Tan Sri Haji Abd Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Benta
4. YB. Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, SSAP., DIMP., AMP., BCM.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuala Sentul
5. YB. Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, SSAP., DIMP., AMP., AMN.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kerbau
6. YB. Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman, SSAP., DIMP.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Guai
7. YB. Dato' Sri Haji Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Tioman
8. YB. Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Talam



9. YB. Dato Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, DIMP., AMP., AMN., PKT.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Bebar
10. YB. Dato' Haji Nazri bin Ngah, DSAP., DIMP.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Pulau Tawar
11. YB. Tuan Haji Abd Rahim bin Muda, AMP., PKC.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Lepar
12. YB. Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., DSAP.,
DGSM.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Pelangai
13. YB. Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.,
PKT.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Dong
14. YB. Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Inderapura
15. YB. Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun, SSAP., DIMP., SMP.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Chini
16. YB. Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kemayan
17. YB. Dato' Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah, DIMP., AMP.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Lembing
18. YB. Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP., SMP.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Pulau Manis
19. YB. Dato' Mustapa bin Long, DIMP.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Padang Tengku
20. YB. Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP.,
AMP., PKC.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Peramu Jaya
21. YB. Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuala Semantan
22. YB. Datin Samsiah binti Arshad
Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Ibam
23. YB. Encik Razali bin Kassim
Ahli Dewan Negeri Kawasan Muadzam Shah
24. YB. Encik Lee Ah Wong
Ahli Dewan Negeri Kawasan Cheka
25. YB. Tuan Haji Andansura bin Rabu
Ahli Dewan Negeri Kawasan Beserah



- 26. YB. Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar
Ahli Dewan Negeri Kawasan Tanjung Lumpur
- 27. YB. Encik Chow Yu Hui
Ahli Dewan Negeri Kawasan Tras
- 28. YB. Puan Kamache A/P A Doray Rajoo
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sabai

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang Pertua, Ahli dari Pelangai nak tanya. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

YB. DATO' SRI YANG DI-PERTUA DEWAN

Silakan Yang Berhormat.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya nak tanya ni, adik saya dari Sabai. Apa... apa maknanya salam Bahasa Tamil? Bagi terjemah sikit.

YB. KAMACHE A/P A DORAY RAJOO

Err... Its tericural (Bahasa Tamil), the first song from tericural (Bahasa Tamil) Saying the alphabet A is the first alphabet in err... all the languages. Thank you.

- 30. YB Encik Lee Chin Chen
Ahli Dewan Negeri Kawasan Bilut
- 31. YB Cik Leong Yu Man
Ahli Dewan Negeri Kawasan Triang
- 32. YB Encik Lee Chean Chung
Ahli Dewan Negeri Kawasan Semambu
- 33. YB Encik Sim Chon Siang
Ahli Dewan Negeri Kawasan Teruntum
- 34. YB Encik Mohd Soffian Bin Abd Jalil
Ahli Dewan Negeri Kawasan Luit
- 35. YB Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya
Ahli Dewan Negeri Kawasan Panching
- 36. YB Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin
Ahli Dewan Negeri Kawasan Tahan
- 37. YB Encik Mujibur Rahman bin Ishak
Ahli Dewan Negeri Kawasan Chenor



- 38. YB Encik Shahril Azman bin Abd Halim
Ahli Dewan Negeri Kawasan Jengka
- 39. YB Tuan Haji Zuridan bin Md Daud
Ahli Dewan Negeri Kawasan Damak
- 40. YB Encik Chiong Yoke Kong
Ahli Dewan Negeri Kawasan Tanah Rata
- 41. YB Encik Woo Chee Wan
Ahli Dewan Negeri Kawasan Mentakab
- 42. YB Puan Young Syefura binti Othman
Ahli Dewan Negeri Kawasan Ketari

PENANGGUHAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelapan: Penangguhan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membawa cadangan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

YB. DATO' SRI HAJJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pertama sekali saya bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana menganugerahkan rezeki yang mulia ini kepada saya atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Ke-14. Sehubungan dengan itu, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membawa Usul pelantikan saya dan terima kasih kepada Yang Berhormat Lanchang yang telah menyokong Usul tersebut serta kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan yang sama sesungguhnya saya bukanlah yang terbaik tetapi semuanya ini atas suratan Ilahi dan kuasa Yang Maha Agung dalam yang telah merencana dan mentakdirkan segala-galanya.

Sehubungan dengan itu juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar yang telah diberi mandat dan kepercayaan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang sebagai Menteri Besar. Saya yakin dengan pengalaman sebagai Ahli Dewan, sebagai Ahli EXCO serta pengalaman dalam dunia korporat dan politik Yang Amat Berhormat akan dapat membawa rakyat dan negeri Pahang ke arah yang lebih cemerlang, In syaa Allah.



Tidak ada laut yang tidak bergelombang, tiada bumi yang tidak ditimpa hujan walaupun lanskap politik semasa telah berubah, segala dasar dan polisi dirombak tetapi setiap rancangan dipinda dan diperbaiki. Perubahan berlaku di mana-mana. Kita tetap bersyukur kerana proses demokrasi matang telah dipamerkan oleh seluruh rakyat Malaysia dalam Pilihan Raya Ke-14 yang baru lalu. Keamanan dan ketenteraman sebagai sebuah Negara berbilang kaum masih tetap dipertahankan tanpa berlaku huru-hara dan kacau-bilau. Rakyat telah membuat pilihan. Kepada yang berjaya jalankan amanah dan janji-janji yang dibuat. Rakyat akan melihat segala-galanya. Taburlah khidmat yang cemerlang, dekati rakyat, dengar, hidu dan hiruplah segala keluhan dan rintihan rakyat. Mahkamah rakyat akan mengadili kita semua apabila sampai waktunya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob ADUN Pelangai. Yang Berhormat telah berada di Dewan ini sejak tahun 1986 [Ahli Dewan menepuk meja] iaitu hampir 32 tahun yang lalu dan beliau telah menjadi Menteri Besar hampir 19 tahun. Yang Berhormat Pelangai telah mencipta rekod perkhidmatan yang panjang, pelbagai liku-liku perjuangan dan asam garam sebagai pemimpin telah dilalui. Sepanjang perkhidmatannya, negeri Pahang telah bergerak maju dalam pelbagai rancangan yang sentiasa diingati oleh rakyat jelata antaranya isu kebajikan membantu rakyat miskin, isu perumahan rakyat, ekonomi yang stabil dan isu pendidikan diperkasakan. Jasa yang besar ini kepada rakyat dan negeri Pahang akan tetap tercatat dalam sejarah dan menjadi kenangan abadi sepanjang hayat. Dewan yang Mulia ini berdoa agar Yang Berhormat Pelangai akan terus memberi idea-idea yang bernas, pandangan yang baik, kerjasama yang cemerlang demi merencanakan lagi negeri Pahang yang dicintai ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan mempertahankan kemuliaan Dewan yang Mulia ini. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh berhujah, berbahas, bersidang dan bertukar-tukar fikiran secara berhemah dan profesional. Pamerkan kehandalan, kehebatan, kematangan dan peribadi mulia anda di sini, saya akan berpegang teguh kepada Peraturan Mesyuarat, *Standing Orders* bagi memastikan segala-galanya berjalan lancar. Marilah kita bersama-sama menjulang dan memartabatkan Dewan yang Mulia ini ke tahap yang lebih tinggi dan cemerlang lagi. Saya berharap Yang Berhormat sekalian, akan dapat bekerjasama dengan saya dan timbalan saya demi kemuliaan dan mengangkat Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai pemimpin yang berintegriti, pemimpin yang matang dan pemimpin alaf baru dalam Malaysia baru untuk memacu negara maju di masa-masa akan datang. Mulakan transformasi di sini dan segala-galanya di sini agar rakyat di luar sana akan mengecapi kehidupan yang aman, harmoni, bahagia dan sejahtera.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat,

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Minta izin... mohon izin... saya ingat relevan ni, sebab ada kata-kata mengenai saya tadi. Jadi saya ingat wajar Dato' Sri *Speaker* memberikan kebenaran untuk saya mencelah sepatah dua ayat.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas penghargaan diberikan. Saya terpaksa bercakap di sini juga sebab tidak ada lagi masa lain kerana masa ini semua ada, ketua jabatan, media. Saya telah cuba sedaya upaya menjalankan tugas lapan penggal dalam Dewan ini, separuh daripada penggal itu sebagai Menteri Besar tapi saya dukacitalah ramai orang tak faham bila sebut hutang Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan. Hutang ini diwarisi sejak zaman Tan Sri Yahya Mohd Seth, Pak Ngah Aziz, Tok Mad Jusoh, Dato' Rashid, Dato' Rahim Bakar, Dato' Sri Najib, Tun Khalil sampai saya. Hutang ini sebenarnya banyak berpunca dari kita membuat bekalan air, satu dan kemudian tu rumah kos rendah. Rumah kos rendah ini ramai orang tidak bayar, jadi hutang itu bertapak-tapak, bertapak-tapak... begitu juga bekalan air. Panjang paip negeri Pahang ini 12 ribu ke 14 ribu? *Fourteen?* 14 ribu. Maksudnya kalau kita sambung paip ini daripada Kuantan ke London boleh pergi balik dan err... paling teruk sekali apabila kita diberi tanggungjawab mengambil alih rumah pam dan sebagainya dari 82 kawasan FELDA itu berjuta-juta.

Jadi saya harap Ahli Dewan dari Kerajaan ke, Pembangkang ke, ketua jabatan kena faham. Hutang bukan hutang kita berjoli... hutang untuk membangunkan bekalan air, rumah kos rendah dan yang paling saya sakit hati sekali dan saya pernah bercakap dengan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang kena buang itu, Tan Sri Irwan. Kenapa pula Sukan SUKMA yang sepatutnya tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, kita pula tanggung? Dikira sebagai hutang? Betul tak Yang Berhormat SFINO? Lepas itu banjir, berapa puluh juta banjir sekali banjir kena itu, 40... RM40 juta... hutang juga. Kan banjir? Banjir ini, apa ni... kita kata apa, *disaster* apa?... haa... bencana alam. Ni dibuat sejak berhenti Menteri Besar ini, tak berapa reti cakap melayu pula dah... sejak pencen ni. Jadi bencana alam pun, dia masuk ke bawah Kerajaan Negeri kira hutang. Itu sebab sekarang ini, Pahang yang paling tinggi hutang RM3 billion. Ada satu masa dulu kita berbincang masa itu Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, beliau telah bersetuju. SS, 40%, 60%? haa? 60% *right off*... maksudnya kalau hutang kita RM3 billion, *right off* RM1.8billion, tinggal RM1.2billion je... tapi tak sempat lagi beliau kena pecat, tak sampai 3 tahun dah masuk kabinet balik, jadi Menteri Dalam Negeri... haa, ni nak pergi jumpa ni banyak hal juga dengan Tan Sri Muhyiddin ni. Haa, itu saya berharap Ahli-ahli Dewan tolong faham eh... bukan sebab siapa tak cekap... dak... dia datang maksudnya tokoh korporat daripada langit pun tak terbuat di Pahang ini dan hasil kurang.

Bekalan air sekarang ini RM1.00 kita bayar... pengguna bayar... Kerajaan subsidi RM0.50 sen, tuan-tuan yang tidak tahu. Kalau kita naikkan 100%, tidak ada apa-apa, kalau naik 200%, baru *break even*. Nak untung, bekalan air naik 300%... makna kalau sekarang ini kita bayar bil RM30.00 kena bayar RM120.00. Boleh kerajaan.. err.. rakyat... bayar RM120.00? Baru kita *break even*, tapi kit tak fikirkan soal untung tu, soal rakyat yang penting. Jadi saya berharap Ahli Dewan tolong faham, kalau tidak faham juga tu, tak layak jadi Ahli Dewan tu... rugi je angkat sumpah. Ini nak beritahu.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, sekali lagi saya memberi penghargaan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, seorang



Speaker yang berwibawa, memahami peraturan, *Standing Orders* dan sebagainya, banyak pengalaman dan err... Tuan *Speaker* kita adalah adil dan saksama kerana sama ada Pembangkang atau Kerajaan *back benchers* beliau akan memberikan peluang. Terlanjur daripada itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya nak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Besar Pahang di atas pelantikan, beliau juga seorang yang layak serta berpengalaman dalam BARNAS, BERNAS ke BARNAS?, BERNAS, BERNAS, BERNAS. Dan lama menjadi Wakil Rakyat. EXCO di bawah saya. Bila saya bersara ni, dan Dato' Sri Wan Rosdy, Ahli dari Jelai menjadi Wakil Rakyat, menjadi Menteri Besar, saya rasa macam saya tak bersara. Macam saya jer jadi Menteri Besar, dan saya hormat kepada beliau. Kalau tuan-tuan nampak tadi bukan menunjuk-nunjuk, saya tunduk kepada *Speaker*, saya tunduk juga kepada Menteri Besar. Nampak tak tadi? [Ahli Dewan menepuk meja] Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Mudah-mudahan Tuan Yang di-Pertua juga sihat walafiat dan boleh selalu tidur dan main golf, selain daripada bertugas. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya, ya.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan di-Pertua, sebenarnya saya, dalam ucapan penangguhan ni saya ingin bercakap panjang lebar juga. Tetapi oleh sebab sidang Dewan kita ni, akan diadakan dalam masa terdekat dalam bulan ni, jadi banyak perkara yang akan saya sentuh dalam ucapan tersebut. Antara yang saya akan sentuh, sepatutnya pada hari ini ialah penghargaan dan terima kasih kepada YB. Dato' Sri DiRaja, tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan, Yang di-Pertua Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi sebab saya fikir majlis kita hari ini adalah majlis angkat sumpah, jadi dalam persidangan kita yang akan datang ni, banyak perkara yang akan saya sampaikan terutamanya penghargaan khusus saya kepada YB. Dato' Sri Diraja, di atas perkhidmatan cemerlang beliau selama 19 tahun menerajui Negeri Pahang. Banyak, antaranya ialah setiap kali pilihan raya kecil yang dipimpin oleh YB. Dato' Sri DiRaja, kita tak pernah kalah. Kemudian dalam pilihan raya umum yang dipimpin oleh YB. Dato' Sri Diraja pun, kita tidak pernah kalah. Kerajaan lah, tetapi saya akan kupas lebih lanjut lagilah di dalam Persidangan Dewan yang akan datang. Jadi sebab hari ni khusus untuk angkat sumpah, saya tak nak apa ni... campur aduk sangat, walau bagaimanapun saya ucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Sri Diraja, DUN Pelangai, yang sentiasa memberi sokongan, dorongan kepada saya semenjak saya mengambil-alih jawatan Menteri Besar ni. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, saya menghormati Yang Berhormat Pelangai, saya izinkan beliau berucap, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dan saya mengalu-alukan sedikit rasa penghargaan sebagai seorang pemimpin yang hebat, yang sebenarnya kita Dewan Undangan Negeri Pahang adalah Dewan yang paling hebat, kalau saya melihat keadaan pada pagi ini. Jadi saya percaya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga ya, telah pun berbisik kepada saya untuk menyampaikan rasa pengharganya pada di Sidang Dewan yang akan datang. Jadi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru dan yang lama, semuanya hebat-hebat, dan kita berilah penghargaan kepada mereka berdua. [Ahli Dewan menepuk meja].



Jadi alhamdulillah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sama ada pencadang atau pembangkang, saya akan berusaha sedaya-upaya berada di sini dan akan melaksanakan seadil-adilnya kepada semua pihak. Sebelum saya menangguhkan Dewan ini, sempena 18 Syawal hari yang cukup mulia, saya menjemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat, dif-dif jemputan untuk kita menikmati sedikit jamuan Hari Raya Aidil Fitri. Saya dengan ini, menangguhkan Sidang Dewan pada masa dan tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Persidangan ditangguhkan jam 11.49 pagi]